

26 MAY 1998

Sabah-Politik

SENARIO POLITIK SABAH BERUBAH LAGI

Bahagian kedua dan akhir

Oleh: Ali Mamat

KOTA KINABALU: Pada setiap pilihan raya negeri, senario percaturan politik Sabah yang agak kompleks menyukarkan seseorang membuat ramalan parti mana yang akan memenangnya, dan pilihan raya akan datang tiada bezany.

Ini berikutan kemunculan bekas Ketua Menteri Sabah Datuk Harris Salleh baru-baru ini untuk bergiat semula secara aktif dalam politik, yang dilihat kebanyakan pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri itu sebagai tidak lebih daripada satu usaha untuk memecahkan undi Islam yang sekali gus akan hanya menguntungkan Parti Bersatu Sabah (PBS).

Bagaimanapun, pemimpin-pemimpin BN sependapat bahawa di sebalik keghairahannya, parti yang dipimpin Harris iaitu Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu) tidak akan memenangi sebarang kerusi pada pilihan raya negeri akan datang yang diramal berlangsung sama ada Oktober ini atau selewat-lewatnya Mac tahun depan.

Mereka bersetuju dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kemunculan semula Harris itu sekadar untuk menjadi "pengacau".

Ketua Perhubungan Umno Negeri, Datuk Osu Sukam mendakwa, Harris kembali berpolitik semata-mata untuk menumbangkan kerajaan BN yang diterajui oleh pemimpin Islam, bukan untuk menyelamatkan orang Islam seperti yang didakwanya.

Dalam beberapa siri kempen terbarunya, Harris mendakwa BN dan Umno sudah tidak boleh diterima rakyat, khususnya pengundi Islam, dan "kalau Bersekutu tidak bertanding, orang Islam pasti akan memberi mandat kepada pembangkang PBS yang berteraskan Kristian itu untuk kembali berkuasa di Sabah.

PBS yang diketuai Datuk Joseph Pairin Kitingan pernah memerintah Sabah selepas menumbangkan kerajaan Berjaya pimpinan Harris pada 1985. Bagaimanapun, ia gagal mempertahankan kuasanya apabila sebahagian anggota Dewan Undangan Negerinya (DUN) yang terpilih pada pilihan raya negeri 1994 melompat kepada Umno atau menubuhkan parti-parti baru termasuk Parti Demokratik Sabah (PDS), Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS).

Osu yang juga Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi berkata, Harris silap perkiraan jika memikirkan bahawa beliau dan partinya boleh menjadi alternatif yang lebih baik kepada BN.

"Kehadirannya hanya akan menguntungkan PBS terutama di 12 kawasan yang majoriti pengundi Islamnya di bawah 60 peratus. PBS mungkin mengaut keuntungan sekiranya Bersekutu dapat menarik 10 peratus sahaja daripada undi orang Islam di kawasan-kawasan itu pada pilihan raya akan datang," kata Osu.

Menurut pemerhati, PBS sememangnya telah mula menggerakkan apa yang dipanggil "Ninja Turtle" oleh sesetengah rakyat Sabah bagi memulakan kempen dari rumah ke rumah di kawasan-kawasan yang majoriti pengundi Islamnya agak kecil termasuk Kudat, Bengkoka, Kawang, Pantai Manis, Kuala Penyu, Sugut, Labuk dan Kuamut.

Sebaliknya, kata Osu, tanpa Bersekutu, BN akan dapat menumpaskan PBS dengan mudah di kawasan-kawasan yang mempunyai majoriti pengundi Islam dan seterusnya menawan beberapa kerusi yang kini dikuasai PBS.

BN kini menguasai 43 kerusi DUN iaitu Umno 21, PDS 11, SAPP lima, Akar Bersatu (Akar) tiga, PBRS dua dan MCA satu. PBS pula menguasai empat kerusi manakala bebas satu.

Ketika mempertahankan tindakannya, Harris berkata dalam suasana politik yang ada sekarang, beliau yakin tanpa kehadiran Bersekutu, kebanyakan kawasan yang majoriti pengundinya orang Islam akan terlepas ke tangan PBS.

Beliau mendakwa, Bersekutu mempunyai peluang yang cerah untuk menang di 27 kawasan Islam dan beberapa kawasan Bumiputera bukan Islam dan Cina.

Stastik terbaru menunjukkan pengundi Bumiputera bukan Islam mempunyai majoriti di 14 kawasan, sementara Cina di tujuh kawasan.

Osu menyifatkan dakwaan Harris itu sebagai "gimik politiknya yang sudah lapuk kerana memang sifat Harris tidak pernah tidak yakin. Pada pilihan raya 1985 beliau bukan main lagi yakin, tetapi bila tiba masanya Berjaya kecundang ditewaskan PBS."

"Kemudian pada 1990, Harris sekali lagi melaungkan keyakinannya, tetapi Berjaya langsung tidak memenangi sebarang kerusi dan beliau sendiri kalah teruk di Sipitang," ujar Osu.

Presiden PDS Tan Sri Bernard Dompok pula berpendapat Harris bukan lagi satu faktor yang boleh menggugat kedudukan BN kerana "beliau sudah tiada tapak dan rakyat kini melihat beliau hanya sebagai satu lagi episod yang telah berlalu dalam sejarah Sabah."

"Kemunculan Harris hanya bermusim...iaitu menjelang pilihan raya dan beliau tidak pernah konsisten dengan apa yang diucapkannya," ujar beliau.

Dompok yang menggantikan Datuk Yong Teck Lee (Presiden SAPP) sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru akhir bulan ini di bawah sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri di kalangan tiga kumpulan etnik utama Sabah berkata, rakyat kini sudah matang berpolitik dan mereka tidak akan terperangkap lagi dengan sentimen personaliti yang ditonjolkan Bersekutu melalui Harris dan PBS melalui Pairin.

"Rakyat tetap akan memilih BN kerana wawasannya yang boleh membangunkan Sabah dan menjamin kesejahteraan hidup mereka," ujar Dompok yang kini Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar negeri.

Harris mendakwa sistem penggiliran dua tahun sekali jawatan Ketua Menteri itu tidak boleh diterima rakyat, khususnya pengundi Islam kerana ia "memberi ruang yang luas kepada sesiapa yang berada di atas untuk membolot harta kekayaan kerana mengetahui tempoh kekuasaannya terlalu singkat".

Dompok sebaliknya menegaskan sistem itu adalah pendekatan terbaik yang memperkemas lagi konsep berkongsi kuasa dalam BN bagi membolehkan semua kaum memberi sumbangan ke arah menjayakan wawasan Sabah Baru serta sekali gus menghapuskan amalan lama di mana "yang menang mengaut segala-galanya".

Osu juga menyifatkan cadangan Harris untuk menghidupkan semula bayaran dividen tunai sebanyak RM300 setiap tahun daripada keuntungan Yayasan Sabah kepada setiap individu dewasa di negeri itu jika Bersekutu menang, sebagai janji kosong kerana jumlah wang yang terbabit adalah di luar kemampuan yayasan itu.

"Mana yayasan mahu mencari duit kira-kira RM200 juta setiap tahun untuk diagihkan kepada kira-kira 700,000 rakyat dewasa di negeri itu?" tanya beliau.

Menurutnya, walaupun Yayasan Sabah merupakan pemegang konsesi balak terbesar di Sabah, membabitkan kawasan seluas kira-kira sejuta ekar, hasil daripada balak itu kini merosot teruk kerana "balak tidak boleh ditebang dan diekspot dengan sesuka hati seperti dulu kerana ia terikat dengan kuota penebangan dan eksport yang ditetapkan Pertubuhan Kayu Tropikal Antarabangsa (ITTO)."

Walau apapun, Osu menyifatkan kemunculan semula Harris sebagai "rahmat terselindung" kerana ia akan memarakkan lagi semangat BN untuk bekerja lebih keras bagi mempertahankan kedudukannya di Sabah.

"Kita akan memperhebatkan usaha untuk memperbetulkan persepsi rakyat terhadap BN dan menyedarkan mereka agar tidak terus dibuai sentimen sempit yang diketengahkan Harris atau Pairin," katanya.

Sambil mengakui sumbangan Harris kepada Sabah sepanjang menjadi Ketua Menteri dulu, Osu berpendapat, budaya dan pemikiran Harris sudah tidak sesuai dengan keadaan sekarang.

"Pada tahun-tahun 60an kita bercakap tentang pembangunan berasaskan pertanian, 80an berasaskan perindustrian dan kini kita bercakap tentang

teknologi maklumat (IT). Rakyat tidak mungkin menerima Harris dengan pendekatan lamanya yang mengajak mereka berundur 30 tahun ke belakang," katanya, merojok kepada hasrat Harris untuk memberi tumpuan utama kepada sektor pertanian dan perladangan jika Bersekutu memenangi pilihan raya akan datang.

Osu dan Dompok sependapat bahawa pilihan raya itu akan memberi peluang kepada rakyat untuk menidakkan pelbagai dakwaan Harris, termasuk kononnya mereka menolak sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri. -- Bernama

AM